



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PROSEDUR OPERASI STANDARD PERPUSTAKAAN
SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
COVID-19**

PROSEDUR OPERASI STANDARD PERPUSTAKAAN SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

1.0 TUJUAN

- 1.1 Prosedur ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tentang tatacara pelaksanaan operasi perpustakaan yang perlu dipatuhi oleh semua pengguna semasa berada di dalam bangunan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah telah ditutup sejak 18 Mac 2020 sebagai langkah mengawal penularan penyakit berjangkit COVID-19 selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan pada 16 Mac 2020.
- 2.2 Pengurusan Universiti pada 20 Mei 2020 telah memaklumkan bahawa semua kakitangan akan kembali bekerja mulai 27 Mei 2020. Selaras dengan pemakluman ini, pihak perpustakaan telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai langkah mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di perpustakaan.

3.0 SKOP

- 3.1 Prosedur ini terpakai kepada semua pengguna Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah yang ingin memasuki bangunan perpustakaan.

3.2 Semua pengguna termasuklah :

- 3.2.1 Kakitangan Universiti.
- 3.2.2 Pelajar Universiti.
- 3.2.3 Ahli Luar.
- 3.2.4 Kontraktor Universiti.
- 3.2.5 Pelawat
- 3.2.6 Lain-lain pengguna yang mendapat kebenaran Universiti.

4.0 PELAKSANAAN

4.1 SEBELUM MEMASUKI PERPUSTAKAAN

- I. Semua pengguna perlu melalui saringan pemeriksaan suhu badan di luar pintu masuk perpustakaan.
- II. Mendaftar / merekod nama di pintu masuk perpustakaan.

4.2 SEMASA BERADA DI DALAM PERPUSTAKAAN

- I. Sentiasa memakai pelitup muka (*Face mask*).
- II. Mengekalkan penjarakan sosial (*Social distancing*) dengan jarak 1 meter antara satu sama lain.
- III. Mengelakkan daripada bersentuhan fizikal antara satu sama lain, seperti bersalaman.
- IV. Mengelakkan perbincangan atau lain-lain aktiviti secara berkumpulan.
- V. Memastikan tangan sentiasa bersih dan sering membasuh dengan sabun atau menggunakan cecair pembersih tangan (*hand sanitizer*).

4.3 PENYEDIAAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

- I. Pinjaman bahan perpustakaan boleh dilakukan melalui *selfcheck machine* dan perkhidmatan kaunter sirkulasi.
- II. Pembaharuan pinjaman boleh dilakukan secara atas talian melalui sistem webvirtua.
- III. Bayaran denda lewat pemulangan digalakkan menggunakan aplikasi *boost*.
- IV. Permohonan buku melalui Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) tidak disediakan kecuali bagi bahan-bahan elektronik.
- V. Perkhidmatan Meja Rujukan dan Perkhidmatan Kelas Literasi hanya disediakan secara online.
- VI. Kemudahan bilik-bilik perbincangan bagi tujuan perhimpunan atau perbincangan kumpulan adalah tidak dibenarkan dan ditutup. Pelajar disaran untuk menggunakan medium atas talian seperti *Google Hangouts Meet, Zoom, Skype, Whatsapp Group Call* dan seumpamanya.
- VII. Tempahan untuk kubikal adalah berasaskan kepada '*first come first serve*'.
- VIII. Pemulangan buku hanya dibenarkan melalui Peti Pemulangan Buku (Book Drop) sahaja.
- IX. Perkhidmatan pangkalan data, e-books dan e-jurnal boleh diakses secara atas talian.

5.0 KEMASKINI

Prosedur ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa tertakluk kepada dasar dan prosedur berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga Universiti Malaysia Sabah (UMS).

PERPUSTAKAAN UMS

Tarikh: 30 JUN 2020

RUJUKAN

1. Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bil.2/2020, Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Jabatan perkhidmatan Awam Bagi Tempoh Semasa dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bertarikh 06 Mei 2020.
2. Guideline on Managing Library Operations Post Movement Control Order (MCO) (MLG, 2020). <https://beritappm.files.wordpress.com/2020/05/final-mlg-guidelines-4mei2020.pdf>
3. Kementerian Sumber Manusia: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. *Prosedur Kerja Selamat Pencegahan Covid-19 di Tempat Kerja*. 2020
4. Ministry of Health. 2020. *COVID-19: MANAGEMENT GUIDELINES FOR WORKPLACES*. [online] Available at: <[https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/COVID 19/Annex_25_COVID_guide_for_workplaces_22032020.pdf](https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/COVID%2019/Annex_25_COVID_guide_for_workplaces_22032020.pdf)> [Accessed 21 April 2020]
5. Pekeliling Pendaftar Bil.1/2020, Garis Panduan Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR).
6. Pekeliling Pendaftar Bil.4/2020, Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) Covid-19 di Universiti Malaysia Sabah.
7. Pekeliling Pendaftar Bil.5/2020, Garis Panduan Bekerja Norma Baharu Universiti Malaysia Sabah.
8. Pekeliling Pendaftar Bil.4/2020 Pindaan/Tambahan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) Covid-19 di Universiti Malaysia Sabah. .